

>> BERITA > NASIONAL > Raja-Raja Melayu bincang calon Perdana Menteri hari ini

Raja-Raja Melayu bincang calon Perdana Menteri hari ini

NAZRIN ZULKAFLI || 20 Ogos 2021



Istana Negara

SHAH ALAM - **[DIKEMAS KINI]** Rakyat Malaysia akan memberi tumpuan kepada perbincangan khas Raja-Raja Melayu yang dijadualkan berlangsung pada jam 2.30 petang Jumaat di Istana Negara bagi membincangkan isu semasa termasuk calon Perdana Menteri kesembilan.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sendiri akan mempengerusikan perbincangan tersebut seperti mana dimaklumkan Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Indera Ahmad Fadil Shamsuddin dalam satu kenyataan.

Perbincangan khas berkaitan kemelut politik semasa negara itu merupakan kali kedua diadakan di bawah pemerintahan Seri Paduka Baginda berikutan perletakan jawatan dua Perdana Menteri yang hilang sokongan majoriti.

Pada 28 Februari 2020, Majlis Raja-Raja Melayu mengadakan mesyuarat khas di Istana Negara berhubung tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatannya pada 24 Februari.

Raja-Raja Melayu juga pernah mengadakan perbincangan khas pada 25 Oktober 2020 dan menolak pengisytiharan darurat kerana merasakan kerajaan Perikatan Nasional (PN) ketika itu berjaya menangani wabak Covid-19 dengan berkesan.

Pada 16 Jun 2021, sekali lagi perbincangan diadakan mengenai isu kesihatan dan politik negara sebelum membuat ketetapan tiada keperluan untuk meletakkan negara di bawah pemerintahan darurat selepas 1 Ogos 2021. Pada perbincangan khas kali ini pula, ia diadakan susulan perletakan jawatan Tan Sri Muhyiddin Yasin sebagai Perdana Menteri kelapan pada 16 Ogos lalu yang hilang majoriti apabila terdapat ahli Parlimen UMNO yang menarik sokongan terhadapnya.

Siapa calon Perdana Menteri yang baharu mencetuskan polemik apabila tiada mana-mana parti dan gabungan dalam Perikatan Nasional, Barisan Nasional dan Pakatan Harapan yang mempunyai jumlah majoriti, maka kerjasama politik diperlukan ketika ini bagi menamakan seorang ahli Parlimen untuk memegang jawatan nombor satu negara.

